

Sutera Qaseh Mantap di FESTARI MAKUM 2009

16 hingga 17 Oktober 2009, Universiti Putra Malaysia (UPM) muncul sebagai Johan pertandingan tarian di Festival Tari MAKUM 2009 yang telah diadakan di Dewan Canselor Tun Abdul Razak (DECSTAR), UKM. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) muncul semai Naib Johan, manakala Universiti Teknologi Mara (UiTM) ditempat ketiga. Festival Tari MAKUM yang berlangsung mulai 16 Oktober lalu telah disertai oleh 20 buah IPTA menampilkan tarian tradisional dan tarian kreatif. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pengajian Tinggi YB Dr. Hou Kok Chung pada 16 Oktober 2009. Manakala majlis penutup dan penyampian hadiah disempurnakan

oleh Timbalan Menteri II Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia YB. Senator Dr. Heng Seai Kie pada malam ini. Kumpulan Tarian Sutera Qaseh daripada UniMAP yang terdiri daripada 15 orang pelajar daripada pelbagai kaum telah memberi persembahan yang baik dan mantap pada festival kali ini.

Penganjuran FESTARI kali ini mampu menjadi elemen penyatuan kaum-kaum yang terdapat di Malaysia dan dapat memelihara kesinambungan serta meningkatkan kefahaman dan kesedaran tentang tanggungjawab untuk memperkembangkan warisan budaya kebangsaan.

 **Mashitoh Abu**

